



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :

Bil	Tajuk dan No. Tender	Taraf/ Syarat Pendaftaran	Tarikh, Tempat Taklimat Tender dan Lawatan Tapak	Tarikh & Tempat Penjualan Dokumen	Tarikh dan Tempat Tutup Tender	Harga Dokumen				
1	CADANGAN PEMBINAAN GANTIAN PENUH ASRAMA 320 PELAJAR DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN ON LOT 578, BLOCK 14, SENTAH-SEGU LAND DISTRICT AT SMK TUN ABDUL RAZAK, PADAWAN, SARAWAK UNTUK TETUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENYIAPAN PROJEK TERBENGKALAI) KP(BP-T) Ten.1/2026	- Taraf Bumiputera-T1 - CIDB Gred G5, G6 atau G7 - Kategori: B & CE - Pengkhususan: B04 & CE21 - Sijil Kontraktor Penyiap (SKP) Yang Dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) di kalangan kontraktor di Sarawak sahaja - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) - Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB - Sijil Penilaian SCORE CIDB yang masih sah sekurang-kurangnya 3 bintang - Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Negeri Sarawak (UPKJ)	28 Januari 2026 (Rabu) Masa Pendaftaran: 10:30 – 11:30 pagi Masa Taklimat: 11:30 pagi Tempat Taklimat: Bilik Mesyuarat, Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abdul Razak, Kuching, Sarawak Lawatan ke tapak projek akan diadakan selepas taklimat LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN DAN HANYA PENAMA DALAM SKP, SPKK SERTA PPK DIBENARKAN HADIR	30 Januari 2026 sehingga 5 Februari 2026 Tempat: Kaunter Jualan Tender, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jalan Diplomatik Off Jalan Bako, Petra Jaya, 93050 Sarawak	20 Februari 2026 (Jumaat) Sebelum atau pada: 12:00 tengah hari Tempat: Bilik Peti Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 W.P. Putrajaya	RM100.00 (Tidak akan dikembalikan) (Dokumen dalam bentuk Pemacu USB)				
2	Waktu urusan pertanyaan mengenai tawaran dan pembelian dokumen tender adalah seperti berikut: <table><tr><th>HARI</th><th>WAKTU</th></tr><tr><td>Isnin hingga jumaat</td><td>9:30 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:30 – 4:00 petang</td></tr></table>						HARI	WAKTU	Isnin hingga jumaat	9:30 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:30 – 4:00 petang
HARI	WAKTU									
Isnin hingga jumaat	9:30 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:30 – 4:00 petang									
3	Pendaftaran sesi taklimat dibuka pada jam 10:30 pagi sehingga 11:30 pagi. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai tender. Kontraktor yang hadir ke taklimat tender hendaklah membawa bersama sijil-sijil ASAL dan SALINAN (tidak akan dikembalikan); SKP, SPKK, PPK serta Sijil SCORE CIDB. Bagi lawatan tapak dan sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam SKP, SPKK serta PPK yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/ syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam SKP, SPKK, serta PPK.									
4	Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang hadir ke taklimat dan lawatan tapak sahaja atau wakil sah kontraktor dengan menunjukkan dan mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa dan sijil-sijil ASAL; SKP, SPKK serta PPK. Satu salinan bagi setiap sijil ini perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan KPM (tidak dikembalikan).									
5	Bayaran dokumen hendaklah dibayar atas nama KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN berpalang dalam bentuk BANK DRAF SAHAJA. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.									
6	Dokumen Meja Tender akan disediakan untuk semakan di Kaunter Jualan Tender, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako, Petra Jaya, 93050 Sarawak semasa waktu pejabat.									
7	Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk tender dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut :- KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILIK PETI TENDER, BAHAGIAN PEMBANGUNAN ARAS 1, BLOK E2, KOMPLEKS E PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62604 W.P. PUTRAJAYA									
8	Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup selewat-lewatnya pada jam 12:00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.									
9	Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.									